

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Penulisan Artikel Jurnal ini berjaya diterbitkan.

Buku ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua penulis / ahli akademik yang ingin menerbitkan artikel jurnal dengan Penerbit UTHM.

Dalam membantu para pensyarah menghasilkan penerbitan, Pejabat Penerbit sedang dalam usaha untuk menerbitkan Siri Panduan Penulisan. Sebagai usaha awal buku Panduan Penulisan Artikel Jurnal ini merupakan salah satu judul dalam Siri Panduan Penulisan ini di samping buku Panduan Penulisan Modul Pengajaran dan Panduan Penyediaan Manuskrip Buku.

Bagi pihak Penerbit UTHM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penolong Pendaftar, Pejabat Penerbit Encik Shafry bin Salim di atas usaha beliau menyediakan Panduan Penulisan Artikel Jurnal ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua penulis / ahli akademik.

Sekian, terima kasih

PROF. DR AHMAD SHAKRI BIN MAT SEMAN
PENGARAH PENERBIT UTHM
OGOS 2008

Kandungan

	Halaman
PRAKATA	ii
1 Objektif	1
2 Pengenalan	1
3 Syarat Penerimaan	1
4 Format Penulisan	2
5 Penyediaan Tajuk	2
6 Penyediaan Abstrak	2
7 Kata Kunci	3
8 Kandungan	3
9 Penghargaan	3
10 Rujukan	3
11 Spesifikasi Jarak	4
12 Hak Cipta	5
13 Penyerahan Artikel	5
14 Penerangan & Maklumat Lanjut	5

PANDUAN PENULISAN ARTIKEL JURNAL PENERBIT UTHM

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua penulis yang ingin menerbitkan artikel jurnal bersama Penerbit UTHM. Ia juga merupakan panduan kepada pihak Lembaga Editorial dan Penyelaras Jurnal Penerbit UTHM dalam proses penerbitan jurnal-jurnal terbitannya.

2.0 PENGENALAN

Pejabat Penerbit UTHM menerbitkan dua buah jurnal iaitu:

- i. Jurnal Sains Sosial
- ii. Jurnal Sains & Teknologi

Kedua-dua jurnal ini diterbitkan dua kali setahun dan terbuka kepada sumbangan artikel dari dalam mahupun luar UTHM.

Sumbangan untuk tujuan penerbitan boleh dikemukakan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang berkaitan dengan bidang Sains Sosial, Teknologi dan Kejuruteraan. Tumpuan utama artikel adalah dalam aspek penyelidikan dan pembangunan.

Artikel yang dihantar untuk penerbitan hendaklah dalam bentuk berikut:

- a) hasil kerja penyelidikan;
- b) penemuan, kaedah atau aplikasi baru;
- c) penilaian sesuatu perkara secara kritikal

3.0 SYARAT PENERIMAAN

Artikel yang dihantar hendaklah belum pernah diterbitkan dalam mana-mana jurnal, prosiding atau seumpamanya. Penulis adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan perkara ini.

Artikel perlu dihantar dalam bentuk *hardcopy* dengan mengikut format seperti Perkara 4.0. dan 5.0. Penulis juga dikehendaki menghantar satu salinan dalam bentuk *softcopy* sekiranya artikel diterima.

Walau bagaimanapun, sekiranya penulis tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam bulan dari tarikh artikel diserahkan, penulis bolehlah menganggap artikel

tersebut tidak diterima dan dia berhak untuk menerbitkan artikel berkenaan di penerbit lain.

Penyerahan artikel yang tidak mengikut format yang ditetapkan akan dikembalikan semula untuk diperbetulkan.

4.0 FORMAT UMUM PENULISAN

Penyerahan awal manuskrip boleh dibuat dalam bentuk *hardcopy* atau *softcopy* (format PDF).

Penyerahan akhir (setelah artikel dinilai dan disahkan diterima untuk diterbitkan), perlu dibuat dalam dua bentuk iaitu *hardcopy* atau *softcopy* (format Microsoft Word)

Bagi tujuan penyerahan awal, artikel perlulah ditaip menggunakan *font* jenis **TIMES NEW ROMAN** dengan langkau 1 ½ baris.

Manakala bagi penyerahan akhir (setelah artikel dinilai dan dibuat pembetulan), artikel perlulah ditaip menggunakan *font* jenis **TIMES NEW ROMAN** dengan spesifikasi berikut:

- | | | | |
|------|---------------------------------|------|---------------------|
| i. | Tajuk artikel | b. | <i>Italic</i> |
| | a. Saiz: 18 poin | | c. <i>Justified</i> |
| | b. <i>Bold & Title Case</i> | | |
| | c. <i>Centered</i> | v. | Kata Kunci: |
| ii. | Nama Pengarang | | a. Saiz: 12 poin |
| | a. Saiz: 10 poin | | b. <i>Normal</i> |
| | b. <i>Normal</i> | vi. | Kandungan: |
| | c. <i>Centered</i> | | a. Saiz: 12 poin |
| iii. | Maklumat Pengarang | | b. <i>Normal</i> |
| | a. Saiz: 9 poin | | c. <i>Justified</i> |
| | b. <i>Normal</i> | vii. | Rujukan: |
| | c. <i>Centered</i> | | a. Saiz: 10 poin |
| iv. | Abstrak: | | b. <i>Normal</i> |
| | a. Saiz: 10 poin | | c. <i>Justified</i> |

Ukuran artikel dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar berikut :-

- | | | |
|-----|--------|--------|
| (a) | Atas: | 5.5 cm |
| (b) | Bawah: | 4.0 cm |
| (e) | Kiri: | 4.0 cm |
| (d) | Kanan: | 3.5 cm |

5.0 SPESIFIKASI JARAK

Selain daripada panduan yang disenaraikan dalam Perkara 4.0 di atas, penulis diminta supaya mematuhi panduan berikut dalam penulisan artikel.

- i. Nama pengarang perlu diletakkan di bawah tajuk artikel dengan diselangkan sebanyak dua baris
- ii. Maklumat lanjut mengenai pengarang seperti; institusi dan e-mel perlu diletakkan di bawah nama pengarang pada muka surat pertama artikel berkenaan.
- iii. Jarak di antara Tajuk dengan Nama Pengarang dan Abstrak dan di antara Abstrak dengan baris pertama teks ialah dua baris.
- iv. Jarak di antara sub-judul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah satu baris.
- v. Jarak di antara sub-judul dengan baris pertama teks selepasnya ialah satu baris.
- vi. Jarak di antara perenggan ialah satu baris.
- vii. Mulakan sub-judul berserta nombornya dari jidar kiri .
- viii. Mulakan baris pertama perenggan dari jidar kiri (tanpa ensotan).
- ix. Jarak di antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau Ilustrasi ialah satu baris.

6.0 TAJUK DAN MAKLUMAT PENGARANG

Tajuk hendaklah ringkas dan padat. Di bawah tajuk pula perlu diletakkan nama penuh penulis artikel berkenaan. Sekiranya penulis lebih dari seorang, nama ketua penulis perlu ditulis mendahului nama penulis-penulis lain. Maklumat lain yang perlu dinyatakan adalah nama institusi dan e-mel penulis.

7.0 ABSTRAK

Abstrak tidak boleh melebihi 200 patah perkataan. Ia perlu mengenal pasti subjek dan fokus ilmu/penemuan yang hendak dibentangkan serta kesimpulan hasil daripada rumusan pengarang. Sekiranya artikel ditulis dalam Bahasa Malaysia, abstrak perlu disertakan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

8.0 KATA KUNCI

Kata kunci terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga perkataan kata kunci yang diletakkan selepas Abstrak. Ia bertujuan memudahkan pencarian maklumat.

9.0 PECAHAN KANDUNGAN

Manuskrip terdiri daripada bahagian-bahagian berikut: **Pengenalan, Sorotan Literatur, Kaedah, Keputusan, Perbincangan** dan **Rumusan**. Setiap bahagian atau sub-bahagian hendaklah dinomborkan. Setiap jadual atau gambar rajah yang terdapat dalam manuskrip jurnal hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diikuti dengan teks yang terdapat dalam petikan berkenaan. Jadual atau gambar rajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah.

10.0 PENGHARGAAN

Penghargaan (jika perlu) boleh diletakkan di bahagian akhir manuskrip sebelum bahagian rujukan tidak lebih dari 50 patah perkataan.

11.0 RUJUKAN

Setiap rujukan yang digunakan untuk menghasilkan manuskrip jurnal yang lengkap hendaklah disenaraikan mengikut sistem abjad. Bahagian rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut contoh yang berikut: Pengarang (nama akhir diikuti dengan nama pertama bagi pengarang utama dan nama pertama diikuti nama seterusnya bagi pengarang lain), tahun, tajuk, terbitan berkala (*italic*), volume (nombor): termasuk nombor muka surat. Contoh:

Hoyle, B. S. and Xu, L. A. (1995). Ultrasonic Sensors. In: Williams, R. A. and Beck, M. S. (Eds). *Process Tomography: Principles, Techniques and Applications*. Oxford: Butterworth-Heinemann. 119-149.

Rujukan-rujukan ini, sekiranya dirujuk di dalam kandungan teks artikel, perlulah menggunakan format "Penulis / Tahun", contoh : (Haris 1990); yang diletakkan di hujung petikan / sedutan yang dirujuk.

Sumber rujukan dari artikel jurnal adalah lebih diutamakan berbanding buku. Rujukan dari sumber internet perlulah dinyatakan dengan lengkap alamat laman web yang dirujuk. Di samping itu, tarikh maklumat itu dicapai perlulah dinyatakan. Rujukan dari laman blog internet amat tidak digalakkan.

12.0 HAK CIPTA

Semua artikel yang diterbitkan dalam Jurnal UTHM adalah menjadi milik mutlak Penerbit UTHM. Penerbit UTHM berhak menerbitkan semula artikel ini dalam pelbagai bentuk lain untuk tujuan ilmiah.

13.0 PENYERAHAN ARTIKEL

Artikel hendaklah dihantar mengikut format yang dinyatakan di bahagian 4.0 kepada:

Ketua Editor
Jurnal Sains Sosial / Jurnal Sains dan Teknologi UTHM
D/A: Pejabat Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Emel: pt@uthm.edu.my

14.0 PENERANGAN & MAKLUMAT LANJUT

Penjelasan & maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi talian berikut:

Tel: 07-453 7454 / 07-453 7452
Faks: 07-453 6145
Emel: pt@uthm.edu.my
Website: www.uthm.edu.my/pt